



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDEKATAN PENGAJARAN GAYA BAHASA PERBANDINGAN DALAM PANTUN IBAN

RICHARD ANAK LITAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENDEKATAN PENGAJARAN GAYA BAHASA PERBANDINGAN DALAM
PANTUN IBAN**

RICHARD ANAK LITAN

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...9....(hari bulan)..~~DISEMBER~~ (bulan) 20..21...

i. Perakuan pelajar :

Saya, RICHARD ANAK LITAN, M2017100221, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pendekatan Pengajaran Gaya Bahasa Perbandingan dalam Pantun Iban

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Profesor Madya Dr. Chemaline Anak Osup (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pendekatan Pengajaran Gaya Bahasa dalam Pantun Iban

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Iban (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

26/4/2022

Tarikh

Tandatangan penyelia
Profesor Madya Dr. Chemaline Anak Osup
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
39100 Pank Darul Ridzuan

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Pendekatan Pengajaran Gaya Bahasa Perbandingan
dalam Pantun Iban

No. Matrik / Matric's No.: M2017100221

Saya / I : RICHARD ANAK LITAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (☒) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (☒) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


Tandatangan penyelia
Profesor Madya Dr. Chamsiah Anah Othman
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
37900 Pauh, Darul Ridzuan
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 26/4/2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada penyelia saya, iaitu Profesor Madya Dr. Chemaline Anak Osup kerana telah memberi banyak bantuan, bimbingan, buah fikiran, nasihat, meluangkan masa dan tenaga, kerjasama dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan tesis Sarjana Pendidikan Bahasa Iban ini dengan jayanya. Dengan terhasilnya tesis ini, ia akan memberikan sumbangan dan faedah kepada kemajuan dan perkembangan penyelidikan dalam pedagogi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban, khususnya dalam *Leka Main* Iban.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya rakamkan kepada bekas ahli Parlimen Julau, Datuk Joseph Salang Anak Gandum kerana telah memberi sumbangan ikhlas, kata-kata peransang dan dorongan kepada saya untuk melanjutkan pelajaran dan menyiapkan tesis ini.

Penghargaan dan terima kasih juga khas buat isteri saya, Dolly Encheremin Anak Jalak yang telah banyak berkorban masa dan tenaga, sentiasa memberi galakan dan dorongan kepada saya. Didedikasikan juga tesis ini istimewanya sebagai dorongan dan pencetus semangat buat anakanak yang tercinta: *Riesmyra Ionolla Anak Richard*, *Raniery Nyanggau Anak Richard*, *Rexymel Naing Anak Richard* dan *Rothenberg Anak Richard*.

Akhir kata, rakaman penghargaan kepada Institut Pengajian Siswazah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, guru-guru yang menjadi sampel kajian, pihak sekolah dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pendekatan pengajaran yang berkesan untuk mengajar gaya bahasa perbandingan dalam *Pantun Iban* iaitu puisi rakyat (*Leka main*) orang Iban. Dalam Kajian ini pendekatan merujuk kepada segala strategi, kaedah dan teknik pengajaran guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini memanfaatkan Teori Pembelajaran Konstruktivisme dan Teori Stilistik untuk merungkai objektif kajian. Teori Pembelajaran Konstruktivisme digunakan untuk menghuraikan pendekatan pengajaran yang berkesan untuk mengajar gaya bahasa perbandingan dalam *Pantun Iban*, manakala Teori Stilistik digunakan untuk memahami makna atau semantik gaya bahasa perbandingan dalam *pantun* tersebut. Kajian ini melibatkan enam orang guru yang mengajar Bahasa Iban di dua buah sekolah menengah di Daerah Julau, Sarawak. Reka bentuk kajian kualitatif jenis kajian kes digunakan. Data kajian dikumpul menggunakan kaedah lapangan iaitu protokol temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian kepustakaan digunakan untuk membuat rujukan, perbandingan dan mencari maklumat lanjut berkaitan dengan kajian. Semua data kajian diproses dan dianalisis secara tematik menggunakan analisis deskriptif. Kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif kajian ini boleh didapati serta dinilai melalui triangulasi data, catatan nota lapangan, instrumen kajian dan pengesahan pakar. Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya menghasilkan dapatan yang positif berdasarkan objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan lima jenis *pantun Iban* yang digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran Bahasa Iban di sekolah menengah ialah *pantun peransang*, *pantun puji*, *pantun sayau*, *pantun meri ngirup* dan *pantun serebana*. Dapatan kajian juga menunjukkan gaya bahasa perbandingan yang terdapat dalam *pantun Iban* ialah metafora, personifikasi, simile, imejan, pleonasme atau tautologi, alegori, perifrasis, antitesis, depersonifikasi dan prolepsis atau antisipasi. Implikasinya ialah pendekatan pengajaran gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban* menggunakan gabungan teori konstruktivisme dan teori stilistik.



COMPARATIVE LANGUAGE STYLE TEACHING APPROACH IN PANTUN IBAN

ABSTRACT

This study aims to study effective teaching approaches in teaching comparative language styles in Pantun Iban or known as Leka Main (Iban Folk Poetry). In this context, approaches refer to strategy, teaching method and technique used in teaching and learning process. Constructivism and Stylistic theories were used to achieve the objectives of this study. In order to describe the effective teaching approaches in teaching comparative language styles in Pantun Iban Constructivism Theory was used. On the other hand, Stylistic Theory was used to understand the meaning or semantics of the comparative language in that pantun. Six teachers teaching Iban Language from two secondary schools in Julau District, Sarawak were involved in this study. This study employed qualitative case study. For an extensive result, the data was collected using field work and it involved interview protocol, observation and document analysis. Besides, library research was used too in order to search for reference, compare and find more information related to the study. Then, the data was analysed thematically using descriptive analysis. The reliability and validity of this qualitative data can be proved using triangulation data, field work notes, instruments and experts' verification. Overall, the study successfully produced a positive result. The result showed the teachers used five types of pantun Iban like pantun peransang, pantun puji, pantun sayau, pantun meri ngirup and pantun serebana. Moreover, there were comparative language styles used in the pantun like metaphor, personification, simile, images pleonasm or tautology, allegory, periphrasis, antithesis, depersonification and prolepsis or anticipation. The implication is that, there was a combination of Constructivism and Stylistic Theories in the teaching of comparative language style in pantun Iban.

**KANDUNGAN****MUKA SURAT**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Latar Belakang Pendidikan	5
1.2.2 Asal-usul dan Latar Belakang Kaum Iban	8
1.2.3 Kepercayaan, Adat dan Budaya	11
1.2.4 Ekspedisi <i>Ngayau</i>	16
1.2.5 <i>Leka Main</i> : Puisi Rakyat Orang Iban	18
1.3 Pernyataan Masalah	21
1.4 Objektif Kajian	24



1.5 Soalan Kajian	24
1.6 Kepentingan Kajian	25
1.7 Batasan Kajian	27
1.8 Definisi Pengoperasian	29
1.8.1 Pendahuluan	29
1.8.2 Pendekatan Pengajaran	29
1.8.3 <i>Leka Main</i>	34
1.8.4 <i>Pantun Iban</i>	36
1.8.5 Gaya Bahasa Perbandingan	38
1.8.5.1 Metafora	40
1.8.5.2 Personifikasi	41
1.8.5.3 Simile	42
1.8.5.4 Imej	42
1.8.5.5 Pleonasme Atau Tautologi	43
1.8.5.6 Alegori	43
1.8.5.7 Antitesis	44
1.8.5.8 Depersonifikasi	44
1.8.5.9 Perifrasis	45
1.8.5.10 Prolepsis	45
1.8.5 Penutup	46

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	47
2.1.1 <i>Pantun Iban</i>	50
2.1.2 Gaya Bahasa Perbandingan dalam <i>Pantun Iban</i>	56

2.1.3 Kajian Dalam Negara	62
2.1.4 Kajian Luar Negara	70
2.2 Penutup	75

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	77
3.2 Kerangka Teoretikal Kajian	78
3.2.1 Teori Konstruktivisme	80
3.2.1.1 Teori Konstruktivisme Piaget	81
3.2.1.2 Teori Konstruktivisme Vygotsky: Sosial	82
3.2.1.3 Pandangan Konstruktivisme Sosial	83
3.2.1.4 Zon Perkembangan Terdekat (ZPD)	84
3.2.2 Teori Stilistik	85
3.2.2.1 Semantik	88
3.3 Reka Bentuk Kajian	91
3.4 Reka Bentuk Konseptual Kajian	93
3.5 Sampel dan Lokasi Kajian	94
3.6 Instrumen Kajian	96
3.7 Kajian Rintis	98
3.8 Kebolehpercayaan dan Kesahan	99
3.9 Prosedur Pengumpulan Data	100
3.10 Analisis dan Interpretasi Data	101
3.11 Penutup	102

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	104
----------------	-----

4.2 Keputusan dan Dapatan Temu Bual	105
4.3 Jenis-jenis <i>Pantun Iban</i> dalam Pengajaran Bahasa Iban Sekolah Menengah	106
4.3.1 <i>Pantun Peransang</i>	108
4.3.2 <i>Pantun Puji</i>	114
4.3.3 <i>Pantun Sayau</i>	118
4.3.4 <i>Pantun Meri Ngirup</i>	122
4.3.5 <i>Pantun Serebana</i>	125
4.4 Gaya Bahasa Perbandingan dalam <i>Pantun Iban</i>	132
4.4.1 Gaya Bahasa Perbandingan dalam Pantun Peransang	135
4.4.2 Gaya Bahasa Perbandingan dalam Pantun Puji	138
4.4.3 Gaya Bahasa Perbandingan dalam Pantun Sayau	141
4.4.4 Gaya Bahasa Perbandingan dalam Pantun Meri Ngirup	144
4.4.5 Gaya Bahasa Perbandingan dalam Pantun Serebana	137
4.4.6 Kekerapan Gaya Bahasa Perbandingan dalam Pantun Iban	140
4.5 Pendekatan Pengajaran Gaya Bahasa Perbandingan dalam Pantun Iban	151
4.5.1 Teori Konstruktivisme	155
4.5.2 Teori Stilistik	156
4.5.3 Pendekatan Konstruktivisme	157
4.5.4 Pendekatan Mengalami dan Menghayati	159
4.5.5 Pemusatan Murid	160
4.5.6 Pemusatan Guru	161
4.5.7 Pemusatan Bahan	161
4.5.8 Teknik Bercerita	162

4.5.9 Teknik Penerangan	163
4.5.10 Teknik Perbincangan	164
4.5.11 Teknik Penyelesaian Masalah	165
4.5.12 Contoh Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Pantun Iban	166
4.6 Kesimpulan	167

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	170
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	171
5.2.1 Jenis-jenis <i>Pantun Iban</i> dalam Pengajaran Bahasa Iban Sekolah Menengah	172
5.2.2 Gaya Bahasa Perbandingan dalam <i>Pantun Iban</i>	175
5.2.3 Pendekatan Pengajaran Gaya Bahasa Perbandingan dalam Pantun Iban	180
5.3 Implikasi Kajian	186
5.4 Cadangan	190
5.4.1 Cadangan kepada Guru Bahasa Iban	191
5.4.2 Cadangan kepada Pihak Sekolah	192
5.4.3 Cadangan kepada JPN/KPM	193
5.4.4 Cadangan untuk Kajian Lanjutan	194
5.5 Kesimpulan	196

RUJUKAN	198
----------------	-----

LAMPIRAN	205
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.5	Profil Sampel Kajian (Guru) 94
3.9	Prosedur Pengumpulan Data 100
4.4.1	Gaya Bahasa Perbandingan dalam <i>Pantun Peransang</i> 135
4.4.2	Gaya Bahasa Perbandingan dalam <i>Pantun Puji</i> 138
4.4.3	Gaya Bahasa Perbandingan dalam <i>Pantun Sayau</i> 141
4.4.4	Gaya Bahasa Perbandingan dalam <i>Pantun Meri Ngirup</i> 144
4.4.5	Gaya Bahasa Perbandingan dalam <i>Pantun Serebana</i> 146

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.7 Hubungan Di Antara Pendekatan, Strategi, Kaedah Dan Teknik (Adaptasi Daripada Ee Ah Meng, 1994: Pedagogi Satu Pengenalan)	28
1.8 Leka Main Iban	36
3.2 Kerangka Teoretikal Kajian (Adapatasi Daripada Lev Vygotsky Dan Donald C. Freeman, 1970)	80
3.3 Reka Bentuk Kajian	91
3.4 Reka Bentuk Konseptual Kajian	93
4.3 Jenis-Jenis Pantun Iban	132
4.4.5 Gaya Bahasa Perbandingan Dalam Pantun Iban	149
4.4.6 Kekерapan Gaya Bahasa Perbandingan Dalam Pantun Iban	151



SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
OUM	Open University Malaysia
PPD	Pegawai Pendidikan Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
ZPD	Zon Perkembangan Terdekat



SENARAI LAMPIRAN

- A Pantun Iban
- B Surat Kelulusan Bersyarat KPM Untuk Menjalankan Kajian
- C Surat Kebenaran JPN untuk Menjalankan Kajian
- D Tanskrip Penuh Dapatan Temu Bual

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab pendahuluan ini akan membincangkan secara ringkas berkenaan tajuk kajian iaitu Pendekatan Pengajaran Gaya Bahasa Perbandingan dalam *Pantun Iban*. Turut dibincangkan adalah isu-isu berkaitan pendekatan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, gaya bahasa dan maklumat berkaitan *pantun Iban* yang menjadi fokus kajian ini. Seterusnya, pengkaji akan menghuraikan latar belakang kajian yang merangkumi asal-usul masyarakat Iban, budaya dan sastera masyarakat Iban secara ringkas. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengupas beberapa isu dalam pernyataan masalah. Isu-isu yang diketengahkan ini akan menjawab persoalan mengapa kajian ini perlu dijalankan. Objektif dan soalan kajian telah digubal berdasarkan pernyataan masalah kajian. Kerangka teori

kajian dipilih dan ditentukan dengan teliti untuk melaksanakan kajian secara tuntas. Kepentingan kajian dan batasan kajian turut dibincangkan dalam bab ini. Selain itu, penyelidik menyertakan definisi pengoperasian untuk memudahkan para pembaca memahami konsep dan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

Perubahan yang begitu pesat dalam bidang pendidikan di seluruh dunia, khasnya di era dunia tanpa sempadan atau globalisasi, turut menuntut perubahan yang seiring di negara kita supaya tidak ketinggalan dalam arus pemodenan pendidikan. Perubahan ini mencakupi perubahan dalam kurikulum yang mempengaruhi strategi, kaedah, pendekatan dan teknik dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Iban di sekolah. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2014 telah menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan usaha drastik Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mentransformasikan pendidikan negara agar setanding dengan standard pendidikan antarabangsa. Langkah ini bertujuan untuk mempersiapkan generasi muda negara kita dan menyediakan modal insan berkualiti bagi menghadapi keperluan abad ke-21.

Objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban di sekolah, khasnya di Sarawak adalah selaras dengan objektif Falsafah Pendidikan Negara iaitu untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS). Objektif khusus pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban adalah supaya murid-murid boleh

menggunakan Bahasa Iban standard dengan baik sama ada dalam penulisan mahu pun untuk berkomunikasi, mengamalkan nilai-nilai murni, bersikap positif, cinta akan negara, dapat mempertahankan dan meneruskan warisan bahasa, kesusasteraan (*leka main*), adat dan kebudayaan suku kaum Iban. (PPK KPM, 2003)

Kajian Magdeline & Zamri (2014) mendapati bahawa pengetahuan pedagogi kandungan di kalangan guru-guru Bahasa Iban sangat penting semasa menjalankan proses pengajaran di dalam bilik darjah. Menurut Alimuddin (2008), kefahaman yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajar boleh menjadikan guru berkenaan lebih mudah dan lebih berkeyakinan sewaktu menyampaikan pengajaran mereka. Kefahaman guru terhadap topik yang diajar memudahkan guru merancang pengajaran dari segi pendekatan, kaedah, teknik, dan strategi pengajaran. Guru yang memiliki pengetahuan isi kandungan yang mantap mampu membuat hubungan kait antara topik yang diajar. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban, tidak dapat dinafikan pengetahuan dan pengajaran guru akan mempengaruhi corak pembelajaran murid (Magdeline 2008). Oleh sebab itu, Shulman (1986) berpendapat pengetahuan pedagogi kandungan menjadi teras kepada pengetahuan guru yang terpenting. Pengetahuan kandungan merujuk kepada bidang pengetahuan guru tentang isi kandungan mata pelajaran Bahasa Iban, manakala pengetahuan pedagogi pula adalah berkaitan dengan pengetahuan mengenai strategi pengajaran yang khusus.

Oleh yang demikian, guru-guru Bahasa Iban harus menguasai strategi, kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, khasnya untuk

mengajar bahagian puisi Iban (*leka main*) untuk mencapai objektif pelajaran yang telah dirancang. Selain itu, guru Bahasa Iban juga mesti kreatif, berani dan proaktif dalam menggunakan media, pengajaran berbantuan komputer, menggunakan peta minda dan menerapkan unsur-unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang memfokuskan tiga komponen utama, iaitu pengetahuan teknologi, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan kandungan atau kurikulum.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian digunakan oleh pengkaji untuk memberi maklumat dan gambaran awal kepada para pembaca atau penyelidik lain berkaitan Pendekatan Pengajaran Gaya Bahasa Perbandingan dalam *Pantun Iban*. Antara sub-topik yang akan dibincangkan dalam latar belakang kajian ini adalah Latar Belakang Pendidikan, Asal-usul dan Latar Belakang Kaum Iban. Selain itu, turut dikupas adalah Kepercayaan, Adat dan Budaya Kaum Iban, Ekspedisi Ngayau dan *Leka Main*: Puisi Rakyat Orang Iban. Setelah membaca latar belakang kajian ini, adalah diharapkan para pembaca akan mendapat maklumat sebenar, sah dan tepat tentang asal-usul, kepercayaan, *leka main*, adat dan budaya kaum Iban.

1.2.1 Latar Belakang Pendidikan

Perkembangan dunia pendidikan di negara kita Malaysia sangat mencabar, seiring dengan perkembangan pendidikan dunia era globalisasi. Pendidikan merupakan satusatunya cara untuk melahirkan generasi pelapis negara dengan menekankan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan institusi pendidikan negara kini berhadapan dengan cabaran dalam pelbagai bidang, selain untuk memenuhi permintaan dan harapan masyarakat, majikan dan negara secara keseluruhannya. Penyampaian pengajaran guru secara aktif, komunikatif dan kolaboratif sangat dituntut. Pada masa kini, kita juga dapat melihat kemampuan sastera untuk mengisi

ruang dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dalam pembelajaran abad ke-21.

Elemen pendidikan sastera sangat penting diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, termasuk dalam mata pelajaran Bahasa Iban kerana ia dapat merangsang perkembangan aspek kognitif, estetika dan emosi murid-murid. Sastera sangat kaya dengan unsur-unsur nilai sastera, budaya hidup masyarakat, norma, akal budi, peraturan dan kepercayaan yang mereka amalkan. Unsur-unsur ini jika diterapkan dan diadaptasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran sudah pasti akan melonjakkan keseronokan pembelajaran murid dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti pendidikan di negara kita. Perkara ini berlaku kerana murid dapat mengadaptasi pengalaman sebenar dalam kehidupan seharian dengan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Apabila murid belajar dalam situasi santai, mereka akan berasa seronok, mudah memahami pengajaran

guru dan membantu ke arah pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan.

Pengajaran bidang bahasa dan sastera tidak dapat dipisahkan dan saling lengkamlengkapi. Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sastera di sekolah, aspek gaya bahasa perlu diberi perhatian yang serius dan dibuat analisis dengan baik. Secara umumnya, gaya bahasa ialah cara pemakaian bahasa, iaitu pengetahuan tentang penggunaan kata-kata dan penyusunan ayat atau cara penulis menyampaikan fikiran dan perasaan dengan cara berhemah, halus dan sopan lagi berkesan untuk menyampaikan fikiran, kritikan atau cadangan dalam penulisan.

Bahasa sastera dan bukan sastera berbeza dari segi gaya dan tujuannya. Bahasa sastera harus dieksploit supaya ia dapat memberi kefahaman dan menimbulkan kesan rasa yang tinggi. Biasanya bahasa dalam karya-karya sastera termasuk *Pantun* Iban sangat indah dan puitis sifatnya, memasukkan unsur-unsur gaya bahasa seperti bahasa kiasan, metafora, simbolisme, personifikasi, alegori, ironi, hiperbola, repitisi dan sebagainya. Kadang-kadang terdapat juga penggunaan kata-kata khusus yang terlalu personal sifatnya bertujuan untuk menyatakan perasaan dan tujuan-tujuan tertentu yang khusus (Kamarudin Husin, 1988: 100-101).

Guru-guru harus peka dan tajam pemerhatian terhadap aspek-aspek penting yang ada hubungan dengan gaya bahasa, bentuk dan unsur-unsur keindahan di dalamnya untuk melihat keberkesanan penggunaan bahasa dalam sesebuah karya. Mereka bukan sahaja

harus memiliki pengetahuan tentang bentuk-bentuk dan unsur-unsur bahasa malah harus boleh membuat interpretasi dan menyelami maksud pengarang yang sebenarnya.

Oleh yang demikian, pendidikan sastera perlulah diperkasa seiring dengan perkembangan pengajaran bidang bahasa bagi melahirkan rakyat Malaysia yang lebih seimbang dan berpengetahuan dalam pelbagai bidang. Modal insan yang berpengetahuan dalam pelbagai bidang dan berkualiti akan menjadikan negara kita mempunyai daya tahan yang tinggi dan mampu bersaing dengan negara-negara lain di persada antarabangsa.

Norjietta Taisin (2004) menyatakan bahawa guru memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran. Guru hendaklah menyusun dan merancang aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan baik terutamanya dari segi pemilihan pendekatan, bahan bantu pengajaran dan pengurusan bilik darjah. Solis (2009) pula berpendapat, pembelajaran yang berkesan bergantung kepada pengajaran guru. Pengetahuan dan keyakinan guru terhadap penyampaian pengajarannya akan mempengaruhi corak pembelajaran murid-muridnya.

1.2.2 Asal-Usul Dan Latar Belakang Kaum Iban

Kajian ini tidak lengkap rasanya jika tidak menyentuh sedikit latar belakang masyarakat Iban yang menjadi pemilik genre *leka main* iaitu *pantun Iban*. Data terbaharu daripada Jabatan Perangkaan Malaysia cawangan Sarawak, menunjukkan bahawa jumlah penduduk



Sarawak pada tahun 2017 ialah 2.79 juta orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 797,700 orang atau 28.6% merupakan kaum Iban yang merupakan kaum majoriti di Sarawak. Ini diikuti oleh orang Melayu 22.9%, cina 22.3%, Bidayuh 7.8%, Orang Ulu 6.4%, Melanau 5.1%, pendatang asing 6.2% dan lain-lain 0.6%.

Sebelum kedatangan James Brooke Ke Sarawak pada tahun 1939, kaum Iban memang telah lama berpindah dari Batang Kapuas, Indonesia ke Sarawak dan telah menetap di sepanjang Sungai Batang Lupar, Batang Sadong, Batang Saribas dan Kalaka. Namun begitu, sebelum kedatangan orang Iban (Dayak) ke Sarawak terdapat suku kaum-suku kaum seperti Baketan, Ukit, Lugu, Punan, Seru, Kanowit, Sekapan, Kejaman dan lain-lain lagi telah lama menetap di Sarawak. (Harry Usup Umbar, 2014: 109)



Nalong Buda & Johnny Chuat (2011: 15-17), membahagikan perpindahan suku kaum Iban ke Sarawak kepada empat peringkat. Peringkat pertama adalah perpindahan sebelum tahun 1800 dari Kalimantan atau Sumatera, Indonesia ke Batang Lupar di Sarawak yang merangkumi kawasan Sebuyau, Lingga, Banting, Undup, Skrang, Lemanak, Batang Saribas, Lundu, Sungai Sarawak, Simunjan dan Batang Sadong. Peringkat kedua adalah perpindahan kaum Iban ke Sarawak antara tahun 1800 hingga tahun 1850 ke Awik di Batang Krian atau Kalaka dan Batang Rajang termasuk Sarikei, Bintangor, Sibui, Kanowit, Julau, Entabai, Poi, Dap, Ngemah, Katibas dan Melipis. Perpindahan peringkat ketiga adalah perpindahan suku kaum Iban dalam negeri Sarawak sendiri sekitar tahun 1850 hingga tahun 1900. Kawasan yang menjadi tumpuan adalah Ibau, Belawai, Yong, Sungai Kapit dan Batang Balleh di Batang Rajang, Kapit. Igan, Oya, Mukah, Balingian,



Tatau, Bintulu dan Miri. Perpindah peringkat keempat sekitar tahun 1900 hingga 1941 juga berlaku dalam negeri Sarawak sendiri ke kawasan Pelagus, Merit, Pila di Kapit, Suai, Niah, Sibuti dan Batang Baram di Miri, Belait di Brunai, Limbang, Trusan dan Batang Sadong.

Menurut Richards (1981) dalam Chemaline Osup (2006: 2), perkataan **Iban** berasal daripada Bahasa Kayan iaitu *hivan* atau *divan* yang bermaksud menantu. Selain itu, *hivan* atau Iban juga bermaksud *orang muda*, *manusia* atau *orang*. Orang Iban tradisional dikenali sebagai *Dayak Laut* dan mereka berasal dari Kalimantan, Indonesia tetapi berpindah ke Sarawak pada masa yang hampir sama dengan kedatangan bangsa Eropah ke Asia Tenggara (Kedit, 1984). Mereka memasuki Sarawak melalui Batang Kapuas iaitu jalan masuk paling mudah bagi melintasi sempadan Sarawak-Kalimantan (Jensen, 1966). Suku kaum Iban merupakan penduduk bumiputera yang paling ramai di Sarawak (Numpang, 1989) dalam Chemaline Osup (2006: 1).

Menurut Benedict Sandin (1956) dalam Chemaline Osup (2006: 2), Sengalang Burung iaitu nenek moyang Orang Iban dengan pengikutnya telah menduduki sepanjang kawasan Sungai Kapuas dan anak-anak sungainya di barat daya Pulau Borneo. Namun cucu Sengalang Burung yang bernama Sera Gunting tidak mengikut jejak datuknya tetapi lebih berminat mendiami Banjaran Tiang Laju di bahagian barat Pulau Borneo (Sarawak). Seterusnya, Sengalang Burung mengadakan mesyuarat dengan anak-anak buahnya di Merakai (anak Sungai Kapuas) untuk merancang perpindahan ke Batang Ai di Sarawak. Richards (1949) dalam Chemaline Osup (2006) menambah, sejarah membuktikan bahawa

orang Iban berasal dari Kapuas, Indonesia tetapi berpindah ke Sarawak dan mula menetap di Kumpang (tempat tinggal mereka yang pertama di Sarawak). Sebahagian daripada mereka telah mengikut seorang pemimpin kaum Iban yang bernama Lelang Belayan untuk mengubah haluan ke hulu sungai Kumpang yang menghala ke Lubok Antu dan Engkelili lalu menetap di kawasan Sungai Batang Lupar yang lebih dikenali sebagai Batang Ai. Dari Batang Ai, suku kaum Iban berpindah ke anak-anak sungai di Ulu Ai dan membuat rumah panjang mereka di Delok, Mepi, Jinggin, Engkari, Skrang dan Lemanak. Ramai juga di antara mereka yang berpindah lalu menetap di Sungai Undup dan Wong Tempangau (Benedict Sandin, 1994: 18) di bawah pimpinan Kajup dan dikenali sebagai Iban Undup. Vinson (1989), mengatakan perpindahan awal orang Iban adalah amat berselerak di kawasan hulu sungai Batang Lupar dan Batang Saribas di Bahagian Sri Aman dan perpindahan mereka ini telah berlaku sejak abad ke-19 dari Hulu Batang Lupar melalui sempadan Kalimantan menuju ke kawasan Rejang (Victor, 1985).

Seorang lagi ketua kaum Iban yang bernama Gelungan juga berpindah bersama pengikutnya keluar dari Merakai ke Undup dan mendiami Bukit Balau, Sri Aman. Keturunan Gelungan dikenali sebagai Iban Balau. Kemudian Gelungan berpindah sekali lagi ke Sebuyau dengan sebahagian pengikutnya, dan generasi mereka kini dikenali sebagai Iban Sebuyau. Walau bagaimanapun setelah kematian Gelungan, Iban Sebuyau berpecah dan ada yang berpindah ke Meredang Gayam, Lundu dan Samarahan. Ketua-ketua suku kaum Iban yang lain seperti Lanong, Kanyong, Meringgai dan Manggi telah membawa pengikut-pengikut mereka berpindah ke Rantau Langkong, Tanjung Merarang, Sungai Skrang dan Tisak, Sri Aman. Menurut Chemaline Osup (2006: 3), boleh dikatakan



bahawa suku kaum Iban terdapat di seluruh pelosok Bumi Kenyalang. Kebanyakan mereka tinggal di Sri Aman, Betong, Sarikei, Julau, Kanowit, Sibu dan Kapit. Kaum Iban di Sarawak juga terkenal sebagai masyarakat yang tinggal di rumah panjang.

Joan Rawlins (1969: 196), mendakwa bahawa orang Iban telah memasuki Sarawak dari Batang Kapuas, Indonesia dalam satu kumpulan yang besar, kemudian berpecah kepada dua kumpulan kira-kira 120 tahun yang lampau melalui sungai-sungai di Bahagian Kedua, Sarawak. Kemudian barulah orang-orang Iban berhijrah ke anakanak sungai Batang Rajang di Sarawak dan mendirikan penempatan (rumah panjang) di situ.



1.2.3 Kepercayaan, Adat dan Budaya

Masyarakat Iban tinggal di rumah panjang, satu fitur distingtif organisasi sosial mereka. Sesebuah rumah panjang dihuni oleh saudara mara mereka sendiri. Malah kehidupan di rumah panjang merupakan bukti nyata tentang kekukuhan keluarga dan kerjasama di kalangan mereka (Vinson, 1978: 5). Tinggal di rumah panjang dapat menguatkan pertahanan masyarakat Iban daripada serangan binatang buas dan ancaman musuh ketika ekspedisi *ngayau* (membuat serangan balas terhadap musuh) masih giat diamalkan pada zaman dahulu. Dengan demikian mereka bukan sahaja merasa selamat tetapi lebih kuat, selesa dan yakin tinggal secara berkelompok dalam sebuah rumah panjang.



Kehidupan di rumah panjang dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan persaudaraan di kalangan penghuninya. Apabila diadakan sesuatu pesta gawai, ia akan diadakan sebagai pesta satu rumah panjang dan bukan pesta sesebuah keluarga atau individu. Maka dalam keadaan kemelesetan ekonomi atau kekurangan makanan, hal demikian dapat menjimatkan perbelanjaan kerana gawai diadakan sebagai satu perkongsian yang pintar. Sesebuah rumah panjang terbahagi kepada tujuh bahagian (Jensen, 1974) dalam Chemaline Osup (2006: 6) seperti bilik, *sadau*, *ruai*, *tanju*, dapur, *padung* dan *tempuan*. *Bilik* ialah unit asas sesebuah famili atau keluarga dalam organisasi sosial kaum Iban. *Ruai* ialah kawasan terbuka di rumah panjang, tetapi dipisahkan oleh tiang bumbung. *Ruai* adalah tempat interaksi sosial masyarakat rumah panjang. Upacara-upacara rumah panjang seperti pesta *gawai*, upacara keagamaan, mahkamah adat, upacara ritual, perkahwinan dan kematian akan diadakan di *ruai*. *Ruai* juga adalah tempat ketua-ketua masyarakat Iban bermesyuarat dengan anak-anak buahnya di rumah panjang tersebut. *Tanju* ialah bahagian luar *ruai* yang dibina tanpa bumbung untuk menjemur hasil-hasil tanaman seperti lada, padi, getah dan sebagainya. Dapatlah dikatakan bahawa rumah panjang mempunyai beberapa fungsi asas seperti perkongsian pertahanan, keramaian dan sekali gus menjadi pusat pentadbiran undangundang adat. Sehingga kini ciri-ciri kehidupan di rumah panjang terus diamalkan dan dikekalkan oleh orang Iban.

Rumah panjang diketuai oleh seorang ketua yang dikenali *tuai rumah* yang menjadi ketua pentadbir dalam rumah panjang itu. Lazimnya, *tuai rumah* dipilih daripada orang yang berpengalaman dan berpengaruh di rumah panjang berkenaan. *Tuai rumah* bertanggungjawab dalam semua pentadbiran rumah panjang, menguatkuasakan undang-

undang atau adat (Jensen, 1974) dalam Chemaline Osup (2006: 7) dan menyelesaikan sebarang persengketaan di rumah panjang itu berpandukan Adat Iban 1973 iaitu *Tusun Tunggu*. *Tuai rumah* dibantu oleh *tuai burung* (ketua dalam aktiviti pertanian dan perhumaan) dan *tuai gawai* yang menjadi ketua upacara-upacara *gawai*, keagamaan yang berkaitan dengan adat resam dan kepercayaan masyarakat Iban. Menurut Vinson & Sutlive (2001) dalam Chemaline Osup (2006: 8), perlantikan *tuai rumah* bergantung kepada keberanian, kepahlawanan, harta, kemahiran berucap di depan khalayak, pengetahuan tentang adat resam dan ciri-ciri kepimpinan yang ada pada seseorang itu. Pengganti *tuai rumah* mungkin anaknya sendiri atau menantunya, atau pemilihan dibuka kepada penghuni rumah panjang mereka yang lain.

Masyarakat Iban tradisional menganut dan mengamalkan *pengarap lama* iaitu kepercayaan tradisional dan mereka kerap mengadakan upacara-upacara ritual dan keagamaan yang berkaitan dengannya (Melling, 1988) dalam Chemaline Osup (2006). Dipercayai bahawa asal-usul kepercayaan suku kaum Iban adalah daripada Raja Durong (Benedict Sandin, 1964: 1-5), dan ia melahirkan kepercayaan kepada *Petara* (Tuhan) dan juga kuasa ghaib, semangat orang hidup dan mati, semangat padi, fenomena alam, makhluk hidup dan objek tidak bernyawa. *Petara* disembah dan dipuja melalui upacara-upacara *miring* atau *bedara* (persembahan sajian), *nampuk* (ritual dan persembahan sajian memohon hajat di tempat terpencil seperti di puncak gunung), *sampi* (puisi doa), *pengap* (zikir) dan *timang* (invokasi) semasa upacara keagamaan untuk menyampaikan niat. Orang Iban percaya bahawa Sengalang Burung, Sempulang Gana, Puntang Raga, *Orang Panggau Libau* dan *Orang Gelong* (tempat kediaman dewa orang

Iban) adalah *Petara* (Melling, 1988) yang memberi petunjuk melalui mimpi. Sengalang Burung atau Aki Lang Sengalang Burung, Jugu Menaul Tuntung dipercayai sebagai dewa yang ditugaskan oleh *Petara* untuk memimpin segala peperangan masyarakat Iban kerana beliau memiliki semua jenis *pengaruh* (azimat) untuk berperang.

Masyarakat Iban tradisional juga percaya dan mengamalkan *Adat Beburung* yang terdiri daripada bunyi tujuh jenis burung yang menjadi menantu dan panglima perang kepada Aki Lang Sengalang Burung, Jugu Menaul Tuntung. Burung-burung tersebut ialah *ketupung, bejampung, embuas, beragai, papau, pangkas* dan *nendak*. Selain bunyi burung, *Adat Beburung* percaya kepada alamat yang dibawa ulih haiwan-haiwan tertentu seperti kijang, beruang, *tuchuk*, babi, *bengkang*, landak, pelanduk, rusa dan *ingkat*, termasuk ular seperti ular sawa, tedung, *kendawang* dan *belalang*. Petanda lain yang dipercayai adalah *punggu* (kayu reput yang tumbang atau jatuh), tebuan, bunyi hantu dan mimpi. *Adat Beburung* dipercayai oleh masyarakat Iban sebagai satu cara *Petara* (Tuhan) menyampaikan pesanan atau alamat yang baik atau buruk kepada manusia. Kepercayaan tentang nasib dan buruk-baik (Chemaline Osup, 2006: 8) sesuatu perkara adalah hasil daripada pengadaptasian masyarakat Iban terhadap alam semula jadi dan hubungan mereka dengan alam.

Kaum Iban amat unik dan kaya dengan adat dan kebudayaan yang tersendiri. Mereka mengadakan pelbagai perayaan yang merupakan upacara pemujaan untuk menyampaikan niat, memohon kebaikan dan berdoa kepada *Petara*. Perayaan-perayaan ini dikenali dengan berbagai-bagai nama seperti *Gawai Batu, Gawai Burung* (*Gawai*

Kenyalang), *Gawai Mangkung Tiang*, *Gawai Namaka Tajau*, *Gawai Antu*, *Gawai Ngemali Umai*, *Gawai Namaka Tuah*, *Gawai Sakit* dan lain-lain. *Gawai Burung* diadakan sebelum atau selepas ekspedisi *ngayau* atau apabila mendapat alamat melalui mimpi. Biasanya *Gawai Burung* dijalankan di *tanju* kerana Sengalang Burung dipercayai akan datang dan bersama-sama dengan mereka semasa gawai tersebut. *Gawai Antu* dianggap satu lagi perayaan yang penting bagi masyarakat Iban, iaitu satu upacara ritual sebagai penghormatan terakhir kepada ahli keluarga yang telah meninggal dunia. Perayaan ini memerlukan perbelanjaan yang besar dan persediaannya mengambil masa dua hingga tiga tahun dan boleh diadakan serentak di sesebuah rumah panjang untuk menjimatkan kos.

05-4506832 tanggungjawab terhadap keluarga dan *kaban belayan* (saudara mara satu keturunan).

Boleh dikatakan *sebuah rumah panjang adalah satu keluarga, satu keturunan*. Keakraban hubungan sesama mereka dijalinan sejak zaman kanak-kanak sehingga dewasa melalui perasaan kasih sayang dan sikap saling bantu-membantu tanpa dibatasi oleh perbezaan umur, jantina, paras rupa, pangkat dan darjat. Budaya *beduruk* iaitu bekerjasama dan bantu-membantu sudah sebatih dalam kehidupan kaum Iban seperti mengerjakan padi huma, mendirikan rumah panjang, berkebun dan sebagainya.

1.2.4 Ekspedisi Ngayau

Masyarakat Iban sering kali digambarkan sebagai satu bangsa yang kejam, ganas, garang dan agresif. Ini kerana kisah *ngayau* (memotong kepala musuh) telah dieksploitasi dan disalahtafsirkan oleh orang Barat yang menggelar Sarawak sebagai Bumi Pemotong Kepala. Sesungguhnya, tanggapan demikian amatlah tidak tepat kerana kaum Iban adalah satu bangsa yang sangat baik, penyayang dan peramah.

Menurut Harry Usup Umbar (2017: 45), orang Iban hanya melancarkan ekspedisi *ngayau* apabila ada ahli keluarga, saudara-mara atau kaum mereka dibunuh oleh musuh sama ada manusia, haiwan buas atau hantu. Adat *ngayau* orang Iban adalah berdasarkan ajaran dewa perang mereka iaitu Sengalang Burung, Orang Panggau Libau dan Orang Gelong. Musuh yang tewas dalam peperangan akan dipenggal kepalanya, disalai dan dijadikan tropi kepala (*antu pala*) sebagai tanda keberanian dan kemenangan.

Lelaki Iban yang membawa balik kepala musuh akan diberi *ensumbar*, iaitu gelaran nama (nama puji-pujian) seperti *bujang berani* (wira/pahlawan Iban) dan sebagainya. Misalnya, pahlawan Iban yang bernama Libau lebih terkenal sebagai Rentap yang diberi *ensumbar* sebagai *Sumpit lasit tibung temaga, sumpit mit nyimpakka jerit Bintang Tiga, labuh ke baruh munuh nyumbuh jelu nyala. Makai nuan Libau, runtuh tanah rentap menua*. Selain itu, Libau juga diberi *ensumbar* *Libau panggau dara, rentap tanah kudi menua* atau *Rentap tanah, Rentap menua* (Nalong Buda & Johnny Chuat, 2011: 112-114).

sebagai ahli keluarga oleh mana-mana keluarga yang sudi. Justeru, tidak wujud kelas hamba abdi dalam masyarakat Iban.

Sebenarnya ekspedisi *ngayau* dilakukan oleh orang Iban pada zaman dahulu semata-mata untuk tujuan membalas serangan, mempertahankan diri daripada dicabar, dipermain-mainkan dan diganggu oleh kaum-kaum lain termasuk pencerobohan masuk orang asing yang merampas hak-hak mereka seperti orang-orang Rajah Brooke pada zaman dahulu. Bolehlah dikatakan bahawa masyarakat Iban hanya membunuh semasa *ngayau* (ekspedisi perang) sahaja, bukan pada sebarang masa sesuka hati (Chemaline Osup, 2006: 13). Orang Iban akan melayani tetamu atau orang yang dianggap sebagai kawan sebaik-baiknya dengan penuh penghormatan, tetapi sebaliknya apabila mereka

dicabar dan dianiaya terlebih dahulu dan apabila orang itu telah dianggap sebagai musuh, mereka akan bertindak ganas dan melancarkan ekspedisi *ngayau*.

1.2.5 Leka Main: Puisi Rakyat Orang Iban

Masyarakat Iban juga kaya dengan berbagai-bagai sastera tradisional. Puisi rakyat orang Iban di Sarawak disebut sebagai *leka main*. *Leka main* tersebar secara lisan dan bersifat lisan, diwarisi dan tersebar dari satu generasi kepada generasi secara turun-temurun. Ia juga bersifat kolektif dan fungsional kerana ada puisi yang terhasil daripada kegiatan ritual dan masih berfungsi untuk tujuan tersebut. Bentuknya masih terikat oleh konvensi tertentu dan keterikatan ini telah memberi perbezaan kepadanya daripada genre puisi tradisional etnik yang lain di Sarawak. *Leka main* ini ialah warisan daripada kehidupan primitif mereka iaitu lahir dalam masyarakat Iban tradisional yang mengamalkan kepercayaan animisme atau pagan (Chemaline Osup, 2006: 15)

Leka main ialah puisi rakyat yang hidup dalam masyarakat Iban. Ini kerana *leka main* amat akrab dengan mereka khususnya dalam aktiviti harian, contohnya ia bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata tetapi juga berkait dengan acara adat istiadat dan kepercayaan dalam budaya mereka. Terdapat 20 jenis *leka main* dalam masyarakat Iban. *Leka main* orang Iban diwarisi dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan kerana pada masa dahulu kebanyakan mereka masih buta huruf dan tidak bersekolah. Namun begitu, puisi lisan ini sangat penting mencerminkan nilai sastera,



kebudayaan, kepercayaan, pemikiran dan sosio budaya mereka. Susunan kata-kata yang indah dan puitis dalam *leka main* atau puisi ini, menunjukkan bahawa masyarakat Iban sangat mahir dan berbakat dalam bermain dengan kata-kata.

Pantun Melayu adalah sejenis puisi lama yang biasanya terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap. Dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan baris berikut mengandungi maksudnya. *Pantun Iban* berbeza dan mempunyai pengertian yang berlainan dengan pantun Melayu. Dalam puisi Iban, pantun Melayu itu dipanggil *dindang* (Janang Ensiring, et.al, 2011: 234). Masyarakat Iban memang ada versi *Dindang* yang sama bentuk dengan pantun masyarakat Melayu. Malahan bahasa yang diguna pakai dalam *dindang* merupakan campuran bahasa Iban dan bahasa Melayu, terutamanya bahasa Melayu tempatan Sarawak (Nelson Tandang, 2017:104).

Menurut Maxwell (1989) dalam Chemaline Osup (2006: 16), masyarakat Iban mempunyai 46 buah teks puisi rakyat dalam bentuk prosa dan puisi ditulis dalam bahasa Iban. Daripada jumlah bilangan teks sastera lisan yang telah dikumpul dan dikenal pasti itu, 33 buah teks berupa puisi dan 13 lagi dalam bentuk prosa. Boleh dikatakan bahawa kaum Iban agak kaya dengan puisi rakyat dan budaya warisan bangsa. *Leka main* masyarakat Iban merupakan puisi perkataan yang lahir pada awal peradaban masyarakat Iban. Ia adalah satu bentuk kesusasteraan yang berkembang luas secara dinamis dan mapan. Pemikiran dalam *leka main* mencerminkan cara berfikir dan kepercayaan masyarakat Iban, iaitu memberi gambaran tentang cara hidup masyarakat mereka. Melalui *leka main* dapatlah diketahui corak pemikiran, pandangan hidup, kejadian yang berlaku,



susunan masyarakat dan kepercayaan masyarakat Iban. Misalnya, dalam *leka main* seperti *ensera, sampi, pelian, pengap, sabak bebuah, timang, pantun, jawang, ganu, dungai, sanggai, geliga* dan *ai ansah*, terpancarlah corak kehidupan dan nilai-nilai hidup masyarakat Iban yang mendukungnya (Chemaline Osup, 2006). Puisi rakyat Iban sangat menarik dan indah ungkapan katanya dari segi gaya bahasa, bunyi, rentak, diksi, tekanan dan perulangan.

Selain pantun, puisi rakyat Iban yang lain seperti *sanggai, dungai, ganu, jawang, pelandai ara, pelandai karung, timang anak*, dan *ramban* juga dinyanyikan bila hati bersedih, pilu, kecewa atau menderita (Jimmy Donald, 1993). *Leka main* yang masih terkenal sebagai lagu kasih ialah *sanggai* yang dinyanyikan oleh teruna dan dara yang sedang bercinta. Dalam puisi tadi teruna atau gadis itu menyatakan bahawa bukan dia tetapi sebenar-benarnya ialah Keling atau Kumang (wira dan wirawati mitikal dalam masyarakat Iban) yang menjemput tetamu itu minum. Jika tetamu tersebut seorang yang pandai berpantun, dia bolehlah membalas pantun tersebut untuk hiburan semata-mata.

Pantun Iban adalah puisi Iban, yang biasanya dinyanyikan oleh lelaki atau wanita. *Pantun* boleh dinyanyikan sebagai sebahagian daripada acara ritual utama, atau dalam perhimpunan kecil. *Pantun* dinyanyikan untuk hiburan pada waktu senang dan juga pada hari keramaian untuk tujuan memuji, memberi motivasi dan meluahkan perasaan gembira dan cinta serta keluh-kesah dan rintihan. *Pantun Iban* bukanlah seperti pantun empat kerat kepunyaan masyarakat Melayu, tetapi “*a rapid speech-like, rhythmically free singing on*

one tone” (Maceda, 1962: 490). Pantun merupakan lagu puisi yang dinyanyikan dalam pola rima.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini membincangkan pendekatan pengajaran gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban*. Masalah memilih atau menentukan pendekatan yang sesuai untuk mengajar *Leka Main* dengan berkesan merupakan masalah utama yang sering dihadapi oleh guruguru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Iban, khasnya di sekolah menengah kerana kebanyakan mereka bukan guru pengkhususan Bahasa Iban. Kajian ini juga akan mengenal pasti atau menentukan unsur gaya bahasa perbandingan yang terdapat di dalam *pantun Iban* agar dapat difahami oleh para murid.

Justeru itu, masalah sebenar yang ingin dikupas dalam kajian ini ialah menentukan pendekatan pengajaran yang berkesan untuk mengajar gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban*. Kajian ini sangat penting kerana dalam format Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Bahasa Iban, *leka main* Iban termasuk *pantun Iban* ada dinilai di bahagian soalan kefahaman. Daripada analisis dan pemerhatian yang dibuat, kebanyakan murid hilang banyak markah di bahagian *leka main* kerana mereka kurang memahami unsur gaya bahasa yang digunakan di dalam *leka main* tersebut. Penggunaan pelbagai bahasa kiasan, simbolisme, perlambangan, bahasa klasik dan gaya bahasa seperti anafora, asonansi, pleonasme, personifikasi, metafora, alegori, perifrasis

dan sebagainya dalam *pantun Iban* telah menjadi satu masalah kepada para murid dan guru untuk memahaminya.

Menurut Magdeline (2012), kekurangan kajian Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) terhadap mata pelajaran bahasa di Malaysia merupakan salah satu faktor kajian ini perlu dijalankan. Memandangkan kurang kajian PPK Bahasa Iban dan juga masalahmasalah guru bahasa Iban sekolah menengah menyebabkan mata pelajaran ini masih lagi dianggap sebagai mata pelajaran yang terpinggir atau kurang penting. Tambahan pula, tanpa sesuatu kajian boleh menyebabkan idea akan terhad untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran, terutamanya strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan berkesan (Ball, Thomas & Phelps, 2007). Menurut Magdeline (2014) lagi, hasrat ini selaras dengan pendapat Nurul Huda, Nik Mohd Rahimi dan Kamarulzaman (2010) yang mengatakan kajian seperti ini amat perlu dijalankan supaya setiap kelemahan atau kekuatan dapat dikenal pasti dan seterusnya diperbaiki atau dilakukan penambahbaikan.

Bahasa Iban pernah ditawarkan di peringkat pengajian tinggi pada tahun 1970an, tetapi kajian mata pelajaran Bahasa Iban kurang dilaksanakan di Malaysia. Kajian yang ada lebih menjurus kepada tatabahasa Bahasa Iban (Asmah, 1981), susur galur Bahasa Iban (Asmah 1985, 1993), fonologi Bahasa Iban (Ismail 1991; Rahim 1997 & 2006; Shahidi 2000), morfologi Bahasa Iban (Rahim 1997 & 2006), dialek Bahasa Iban (Chong Shin, 2006), Bahasa Iban (Noriah 1994, Collins 2004) dan, *Leka main* Iban (Chemaline Osup, 2006). Kajian mereka tidak menjurus kepada ilmu pedagogi dalam pengajaran dan

pembelajaran Bahasa Iban sebagai satu mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah. Oleh itu, impak dan keberkesanan pengajaran guru-guru bahasa Iban tidak diketahui umum termasuklah oleh guru-guru sendiri.

Lambat Lindong (2007) dan Magdeline (2008) merupakan dua orang penyelidik yang telah membuat kajian tentang mata pelajaran Bahasa Iban. Dapatan kajian Magdeline (2008) tentang sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Iban amat memeranjatkan apabila terdapat 10 peratus murid mempunyai sikap yang negatif terhadap mata pelajaran Bahasa Iban. Ramai guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Iban di sekolah juga bukan guru pengkhususan Bahasa Iban tetapi terdiri daripada guru-guru mata pelajaran lain seperti guru Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Pendidikan Seni, Kesusasteraan Melayu, Geografi, Matematik dan lain-lain lagi. Guru-guru tersebut merupakan guru-guru dari suku kaum Iban yang diarahkan oleh pihak sekolah untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Iban.

Oleh itu, kajian ini akan mengkaji pendekatan pengajaran yang boleh digunakan untuk mengajar gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban* agar dapat dijadikan rujukan atau panduan kepada guru-guru baharu dan guru-guru bukan opsyen yang ditugaskan untuk mengajar Bahasa Iban oleh pihak pentadbiran di sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji pendekatan pengajaran yang berkesan untuk mengajar gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban*. Objektif khusus kajian ini digubal berdasarkan pernyataan masalah. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut: Mengenal pasti jenis-jenis *pantun Iban* yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban di sekolah menengah.

- i. Menentukan gaya bahasa perbandingan yang terdapat dalam *pantun Iban* tersebut.
- ii. Menghasilkan pendekatan pengajaran untuk mengajar gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban*.

1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian bagi penyelidikan ini disandarkan kepada objektif kajian yang khusus. Soalan khusus kajian ini seperti berikut:

- i. Apakah jenis-jenis *pantun Iban* yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban di sekolah menengah?
- ii. Apakah unsur-unsur gaya bahasa perbandingan yang terdapat dalam *pantun Iban*?
- iii. Bagaimanakah pendekatan pengajaran untuk mengajar gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban*?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap akan memberi banyak manfaat dan kepentingan kepada pelbagai pihak dalam bidang pendidikan, khasnya guru-guru, para murid, pihak sekolah, ibu bapa, masyarakat, institut pendidikan guru, universiti dan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi pihak sekolah, hasil kajian ini akan menjadi panduan dan rujukan penting kepada guru-guru baharu yang kurang pengalaman mengajar Bahasa Iban dan guru-guru bukan opsyen yang ditugaskan mengajar Bahasa Iban oleh pihak sekolah.

Selain itu, hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak pentadbir sekolah sebagai panduan dalam pencerapan pengajaran guru. Panitia mata pelajaran Bahasa Iban boleh menggunakannya untuk merancang pelan taktikal dan pelan operasi panitia, khasnya yang berkaitan dengan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang berkesan. Hasil kajian ini juga penting sebagai rujukan dan panduan kepada pensyarah-pensyarah dan para siswa murid di institut pendidikan guru (IPGM) dan universiti-universiti yang ada menawarkan pengkhususan Pendidikan Bahasa Iban tentang pedagogi pengajaran yang berkesan, khususnya pendekatan pengajaran gaya bahasa perbandingan dalam *pantun* Iban atau boleh diadaptasikan dalam pengajaran *leka main* yang lain.

Pengkaji berharap hasil kajian ini dapat menjadi rujukan dan landasan oleh pengkaji-pengkaji seterusnya untuk mengkaji dengan lebih lanjut berkaitan dengan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran, terutamanya

pedagogi yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban yang sememangnya sangat perlu, kurang dan jarang dilakukan. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai panduan untuk mengadakan kursus atau bengkel jangka pendek dalam perkhidmatan kepada guru-guru baharu atau guru-guru bukan opsyen yang ditugaskan untuk mengajar Bahasa Iban di sekolah. Adalah diharapkan, kursus seperti ini akan dapat meningkatkan keberkesanan, menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban ke satu tahap yang lebih tinggi.

Justeru, kajian ini sangat penting untuk menentukan strategi pengajaran yang berkesan, khasnya pendekatan pengajaran gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban*.


05. Dapatan kajian ini diharap akan membantu guru-guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan, bermakna, menarik dan bermutu. Apabila murid-murid belajar dalam situasi yang menyeronokkan dan berminat, mereka akan lebih mudah menguasai isi pelajaran dan seterusnya membantu mencapai objektif pelajaran yang telah dirancang oleh guru. Keadaan ini secara tidak langsung akan mempromosi dan menarik minat serta sambutan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak mereka mengambil subjek Bahasa Iban pada masa akan datang.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada beberapa buah sekolah menengah yang terpilih di Daerah Julau, Bahagian Sarikei, Sarawak dan hanya melibatkan guru-guru yang mengajar Bahasa Iban. Guru-guru yang dipilih sebagai sampel kajian terdiri daripada guru berpengalaman dan guru baharu supaya perbandingan dapat dibuat. Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada guru-guru berkenaan mengenai pendekatan pengajaran yang berkesan untuk mengajar gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban* sahaja.

05- Enam orang guru akan dipilih sebagai sampel kajian. Empat orang guru yang berpengalaman dan dua orang guru baharu. Kajian ini hanya terbatas kepada pengajaran Bahasa Iban iaitu untuk menghasilkan pendekatan pengajaran yang berkesan untuk mengajar aspek gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban*. Gaya bahasa perbandingan akan menjadi fokus utama kajian. Guru-guru yang dipilih sebagai sampel kajian ini adalah daripada dua buah sekolah menengah yang berlainan di Bahagian Sarikei, Sarawak. Ini dilakukan bagi mengelakkan *bias* (pandangan berat sebelah) dan meluaskan lagi skop dan dapatan kajian.

Pendekatan pengajaran yang dimaksudkan dalam kajian ini termasuklah strategi, kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru dalam pengajaran untuk mencapai objektif pelajaran yang telah ditetapkan. Hubungan di antara pendekatan, strategi, kaedah dan teknik dapat digambarkan seperti dalam Rajah 1.7.



Rajah 1.7. Hubungan di antara Pendekatan, Strategi, Kaedah dan Teknik (Adaptasi daripada Ee Ah Meng, 1994: Pedagogi Satu Pengenalan)

Kesimpulannya, terdapat banyak teori pedagogi pengajaran dan pembelajaran.

05- Teori-teori pengajaran ini akan menghasilkan pula pendekatan-pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berlainan. Seterusnya, gabungan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan diharapkan dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru dan pembelajaran murid ke satu tahap seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 selari dengan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

1.8 Definisi Pengoperasian

1.8.1 Pendahuluan

Di ruangan definisi pengoperasian ini, pengkaji akan menjelaskan beberapa istilah penting yang mungkin mengelirukan pembaca, khasnya beberapa istilah Bahasa Iban yang digunakan dalam konteks kajian ini. Begitu juga dengan istilah-istilah lain yang digunakan khas untuk kajian ini. Oleh yang demikian, adalah diharapkan definisi pengoperasian ini dapat membantu para pembaca atau penyelidik lain memahami isi kandungan kajian ini apabila membuat rujukan kelak. Justeru, data kajian tentang Pendekatan Pengajaran Gaya

05 Bahasa dalam *Pantun Iban* dioperasikan dalam bentuk tematik.

1.8.2 Pendekatan Pengajaran

Pendekatan merujuk kepada satu kumpulan andaian yang berkait dengan hakikat kesusasteraan, hakikat pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan. Pendekatan juga harus mencerminkan satu teori kesusasteraan atau satu teori pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan. Sesuatu pengajaran harus bermula dengan mengamati sesuatu situasi secara keseluruhannya dan kemudian memperincikan elemenelemen situasi itu (Kamarudin Husin, 1988: 28-29).

Dalam pendidikan, pendekatan berkaitan dengan cara sesuatu pelajaran disampaikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran mencapai objektif pembelajaran dalam jangka masa panjang. Pendekatan yang dipilih mungkin satu atau lebih model, prinsip dan teori pembelajaran supaya pembelajaran berjalan lancar dan memungkinkan peluang kefahaman, penghayatan dan perubahan tingkah laku berlaku. Ini bermakna untuk mencapai hasil pembelajaran jangka panjang, berbagai-bagai pendekatan yang merangkumi strategi, kaedah, teknik dan aktiviti akan dijalankan (Ee Ah Meng, 1994).

Strategi merujuk kepada perancangan tindakan yang menjurus kepada pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Rancangan tindakan ini merangkumi kaedah dan teknik mengajar. Dengan adanya strategi, kaedah dan teknik dapat diatur secara sistematik, pengagihan masa disusun, penyediaan bahan dibuat mengikut kesesuaian dan kawalan kelas diurus dengan rapi. Strategi pengajaran haruslah berdasarkan tiga proses utama iaitu guru, murid dan bahan pengajaran dan pembelajaran. Sebab itulah strategi dalam pendidikan dirujuk sebagai pemusatan guru, pemusatan murid dan pemusatan bahan (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1984).

Menurut Baharuddin Aris et. al (2001) dalam Norjietta Taisen et. al (2017: 23), pengajaran adalah pemilihan kaedah atau strategi untuk menyusun maklumat, aktiviti, pendekatan dan media untuk membantu murid mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pengajaran adalah proses yang beorientasikan matlamat yang dirancang terlebih dahulu untuk menghasilkan pembelajaran.

Molina & Albir (2002: 508), mendefinisikan strategi sebagai jalan untuk mencari penyelesaian yang sesuai untuk satu unit terjemahan. Penyelesaian ini akan menjadi kenyataan dengan menggunakan teknik tertentu. Oleh itu, strategi dan teknik menduduki tempat-tempat yang berbeza dalam menyelesaikan masalah. Strategi adalah sebahagian daripada proses dan teknik mempengaruhi keputusan.

Kamus Dewan (2007: 1525) mendefinisikan, strategi sebagai pengetahuan mengenai cara untuk mengatur dengan perancangan yang tersusun di samping mengambil kira pelbagai faktor bertujuan mencapai matlamat hasil daripada pelaksanaan yang dilakukan. Dalam beberapa keadaan, strategi sering kali dibandingkan atau disamakan dengan istilah-istilah lain seperti prosedur, metode, teknik, rancangan, taktik, peraturan dan lain-lain.

Menurut Norjietta Taisen et. al (2017), strategi merupakan pendekatan, kaedah dan teknik yang dirancang dan digunakan dalam satu-satu pengajaran. Dengan itu strategi pengajaran dan pembelajaran merangkumi semua pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru untuk mencapai objektif pelajaran yang telah ditetapkan. Justeru, penggunaan istilah pendekatan pengajaran dalam kajian ini merujuk kepada strategi-strategi, kaedah-kaedah dan teknik-teknik yang digunakan untuk mengajar unsur gaya bahasa perbandingan dalam *pantun Iban* untuk mencapai objektif pelajaran yang telah ditetapkan dalam subjek Bahasa Iban.

Menurut E-Kamus 6.0 (2017), kaedah merupakan cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yang bersistem atau yang biasa); kaedah mengajar ialah cara mengajar (berdasarkan prinsip-prinsip tertentu). Misalnya kaedah bercerita, kaedah



perbincangan, kaedah penyelesaian masalah, kaedah bermain dan lain-lain. Mok Soon Sang (1992), pula mengatakan kaedah lebih menekankan penyusunan langkah untuk mengajar secara sistematik berlandaskan prinsip dan pembelajaran. Langkah-langkah pengajaran disusun rapi dan kesinambungannya diikuti dengan teliti supaya ada urutan terarah untuk menimbulkan proses pembelajaran.

Kaedah adalah satu perencanaan atau prosedur, aturan atau cara untuk melaksanakan pengajaran aspek-aspek kesusasteraan secara sistematik. Sesuatu kaedah itu secara keseluruhannya mestilah didasarkan kepada pendekatan yang dianuti. Kaedah adalah bersifat prosedur yang terdiri daripada langkah-langkah dan peringkat-peringkat yang teratur dan harus dituruti dengan saksama untuk mencapai sesuatu tujuan tertentu.



05- (Kamarudin Husin, 1988: 29).



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Ramlan & Rahim (1985) dalam Norjietta Taisen et.al (2017: 21) menyatakan, teknik bermaksud cara sesuatu pelajaran itu disampaikan. Ia meliputi bentuk-bentuk aktiviti tertentu yang ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran seperti berdialog, berlakon, latih tubi atau permainan. Teknik merupakan satu cara yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan butiran pengajaran.

Menurut Ee Ah Meng (1994), teknik merujuk kepada unit-unit kecil yang terkandung di dalam sesuatu kaedah. Teknik merangkumi aktiviti, perlakuan dan kemahiran guru yang digunakan dalam pengajaran. Teknik ialah cara menjalankan pelbagai langkah dalam pengajaran. Contoh, dalam kaedah bercerita pelbagai teknik





digunakan untuk menjadikan cerita itu lebih bermakna dan menyeronokkan. Misalnya guru menggunakan teknik memotivasikan murid-murid. Bagi menguji kefahaman murid tentang cerita, guru menggunakan teknik menyoal. Teknik menyoal merangkumi cara soalan dikemukakan, bilangan soalan, kadar soalan, taburan soalan kepada semua murid, hentian sejenak dan sebagainya.

Menurut Mok Soon Sang (1992) pula, teknik merupakan aktiviti-aktiviti yang diatur dalam kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Ini dirancang dalam bentuk perlakuan dan kemahiran yang ingin diperoleh oleh murid. Kemahiran guru dalam mengelola aktiviti akan menjadikan kelas aktif dan pembelajaran memberangsangkan. Kamarudin Husin (1988: 29) menyatakan, teknik adalah satu muslihat atau strategi atau taktik yang digunakan oleh guru untuk mencapai hasil segera yang maksimum pada waktu mengajar sesuatu bahan pengajaran.

Oleh itu, teknik pengajaran boleh ditakrifkan sebagai kemahiran guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan menjalankan langkahlangkah dalam aktiviti pengajaran. Teknik menekankan kepada aspek ‘bagaimana’ menggunakan sumber-sumber pengajaran serta membimbing langkah-langkah pengajaran di dalam kelas.



1.8.3 Leka Main

Puisi rakyat orang Iban di Sarawak disebut sebagai leka main. Leka maksudnya ‘benih’ (Bruggeman, 1987: 99 dalam Chemaline Osup, 2006: 15) tetapi ia juga bererti ‘perkataan’ atau ‘word’, yakni sesuatu kata yang dicipta untuk lirik lagu, puisi dan ujaran. *Leka* dalam bahasa Iban bukanlah bermakna lalai, lengah atau asyik oleh sesuatu perkara (Kamus Bahasa Melayu, 1987). Manakala maksud *main* dalam bahasa Iban pula bukan sahaja melakukan sesuatu untuk menyenangkan hati, bersenang-lenang, bersuka-suka dan berehat tetapi juga merangkumi segala bentuk puisi yang dilafazkan untuk tujuan hiburan dan ritual (Richards, 1981 dalam Chemaline Osup, 2006: 15).


Menurut Chemaline Osup (2006: 15), *Leka Main* ini dilafazkan untuk mengiringi ritual semasa gawai, sebagai invokasi kepada dewa dan juga bagi tujuan memohon keberkatan dan penyembuhan. Boleh dikatakan *leka main* ialah satu puisi rakyat masyarakat Iban yang tersendiri. Oleh yang demikian, *leka main* bukanlah perkara mainmain tetapi satu bentuk pengucapan yang terhasil dari imaginasi, daya cipta dan realiti budaya masyarakat Iban yang mempunyai estetika, tema dan bentuknya yang unik dan tersendiri.

Leka main terdiri daripada berbagai-bagai hasil karya sastera tradisional masyarakat Iban. *Leka main* tersebar secara lisan dan bersifat lisan, diwarisi dan tersebar dari satu generasi kepada generasi secara turun-temurun. Ia juga bersifat kolektif dan fungsional kerana ada puisi yang terhasil daripada kegiatan ritual dan masih berfungsi

untuk tujuan tersebut. Bentuknya masih terikat oleh konvensi tertentu dan keterikatan ini telah memberi perbezaan kepadanya daripada genre puisi tradisional etnik yang lain di Sarawak. *Leka main* ini ialah warisan daripada kehidupan primitif mereka iaitu lahir dalam masyarakat Iban tradisional yang mengamalkan kepercayaan animisme atau pagan (Chemaline Osup, 2006: 15-16).

Leka main ialah puisi rakyat yang hidup dalam masyarakat Iban. Ini kerana *leka main* amat akrab dengan mereka khususnya dalam aktiviti harian, contohnya ia bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata tetapi juga berkait dengan acara adat istiadat dan kepercayaan dalam budaya mereka. Terdapat 20 jenis *leka main* dalam masyarakat Iban. *Leka main* orang Iban diwarisi dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan kerana pada masa dahulu kebanyakan mereka masih buta huruf dan tidak bersekolah. Namun begitu, puisi lisan ini sangat penting mencerminkan nilai sastera, kebudayaan, kepercayaan, pemikiran dan sosio budaya mereka. Susunan kata-kata yang indah dan puitis dalam *leka main* atau puisi ini, menunjukkan bahawa masyarakat Iban sangat mahir dan berbakat dalam bermain dengan kata-kata.

Leka main atau puisi rakyat orang Iban boleh dibahagikan kepada tiga mengikut fungsi atau tujuan masing-masing, iaitu untuk tujuan invokasi, adat dan hiburan seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.8.5



Rajah 1.8.Leka Main Iban

1.8.4 Pantun Iban

Menurut E-Kamus 6.0 (2017), pantun (Pantun Melayu) adalah sejenis puisi lama yang biasanya terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap. Dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan baris berikut mengandungi maksudnya. Tetapi dalam kajian ini, *pantun Iban* mempunyai pengertian yang berlainan dengan pantun Melayu. Dalam masyarakat Iban, pantun Melayu itu dipanggil *Dindang* (Janang Ensiring, et.al, 2011: 234). Masyarakat Iban memang ada versi *dindang* yang sama bentuk dengan pantun masyarakat Melayu. Malahan bahasa yang diguna pakai dalam *dindang* merupakan

campuran bahasa Iban dan bahasa Melayu, terutamanya bahasa Melayu tempatan Sarawak (Nelson Tandang, 2017: 104).

Pantun Iban adalah puisi Iban, yang biasanya dinyanyikan oleh lelaki atau wanita yang berlainan jantina iaitu daripada lelaki ditujukan kepada wanita atau daripada wanita ditujukan kepada lelaki. *Pantun* boleh dinyanyikan sebagai sebahagian daripada acara ritual utama, atau dalam perhimpunan kecil. *Pantun Iban* ialah sejenis puisi rakyat Iban yang masih terkenal sehingga sekarang. Ia dinyanyikan untuk hiburan pada waktu senang dan juga pada hari keramaian untuk tujuan memuji, memberi motivasi dan meluahkan perasaan gembira dan cinta serta keluh-kesah dan rintihan. *Pantun Iban* bukanlah seperti pantun empat kerat kepunyaan masyarakat Melayu, tetapi “a rapid speech-like, rhythmically free singing on one tone” (Maceda, 1962: 490). *Pantun* merupakan puisi yang dinyanyikan dalam pola rima.

Menurut Jimmy Donald (1993), *pantun* adalah sejenis *leka main* Iban yang didendangkan dengan alunan nada suara yang merdu dan sedap didengar. *Pantun* selalunya digunakan untuk menghiburkan dan menjamu minuman tuak kepada tetamu yang datang ke sesuatu majlis atau keramaian, misalnya semasa perayaan Hari Gawai Dayak. Di Kapit, *pantun* sering digunakan oleh wakil ketua masyarakat atau *tuai rumah* di rumah panjang untuk menyampaikan permohonan projek-projek pembangunan atau geran kerajaan daripada wakil rakyat mereka. Orang yang berpantun boleh jadi perempuan atau pun lelaki, asalkan mereka mempunyai bakat dan kemahiran menyusun kata-kata



(lirik *pantun*) secara spontan serta mempunyai alunan suara yang merdu sesuai dengan rentak *pantun*.

Secara amnya, terdapat lima jenis *pantun Iban* iaitu *pantun peransang*, *pantun puji*, *pantun sayau*, *pantun meri ngirup* dan *pantun serebana*. Pemilihan jenis pantun yang digunakan bergantung kepada orang yang dituju, situasi, majlis dan tujuan atau hasrat hati pemantun. Justeru, data kajian tentang Pendekatan Pengajaran Gaya Bahasa dalam *Pantun Iban* dioperasikan dalam bentuk tematik.

1.8.5 Gaya Bahasa Perbandingan



Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 255) mendefinisikan perkataan bahasa sebagai sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam lingkungan sekelompok manusia (antara seorang individu dengan individu yang lain). Kamus Sastera Melayu Edisi Kedua (2001) mentakrifkan gaya (*style*) sebagai cara penggunaan atau susunan kata-kata dalam karya yang tercerna daripada fikiran dan sifat individu pengarang. Seterusnya, gaya bahasa ditakrifkan sebagai corak, bentuk atau rupa sesuatu bahasa, iaitu meliputi aspek-aspek kesesuaian penggunaan kata, frasa dan ayat dalam sesuatu situasi. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 106) pula, mendefinisikan gaya sebagai cara menulis atau bertutur, cara membuat sesuatu, terutamanya yang menjadi ciri sesuatu zaman atau seseorang. Gaya bahasa pula dilihat sebagai cara pemakaian bahasa,





iaitu pengetahuan tentang pemilihan, penyusunan, penggunaan sesuatu perkataan dan ayat.

Nik Hassan Basri (2005: 3), memberi makna kepada gaya bahasa sebagai cara atau ragam bahasa yang digunakan oleh seseorang dalam lisan atau penulisan atau pun cara pemakaian bahasa dalam sesebuah karya, iaitu daripada susunan kata, frasa, ayat, wacana, perenggan atau bab yang digunakan oleh penulis atau pengarang dalam usahanya untuk melengkapkan tema dan persoalan dan sebagainya dalam sesebuah karya yang dihasilkan. Menurut Nik Hassan Basri (2005), terdapat lima jenis gaya bahasa iaitu gaya bahasa pertautan, gaya bahasa penyirnaan, gaya bahasa pengulangan, gaya bahasa perbandingan atau gaya bahasa kiasan (Maniyamin Ibrahim, 2009: 34-54) dan gaya bahasa pertentangan.



Justeru dapatlah disimpulkan bahawa gaya bahasa terbit daripada usaha penulis memanipulasi bahasa yang sedia ada dan seterusnya mengeksploitasi bahasanya dalam penulisan. Sifat bahasa yang dinamik juga memudahkan pengarang menghasilkan, membentuk, melentur dan mengubahsuai karya yang dihasilkan. Gaya bahasa dalam *pantun* Iban mungkin tidak sama dengan gaya bahasa dalam karya-karya atau puisi yang lain. Manipulasi gaya bahasa dalam karya sastera sangat penting bagi menimbulkan kesan dan rasa khusus yang mengandungi estetik seperti pemilihan kata, pemilihan struktur sintaksis, penggunaan bahasa figuratif, simbolisme, peribahasa, kiasan, sindiran dan unsur-unsur stilistik yang lain.



Gaya bahasa perbandingan ialah bentuk bahasa perbandingan yang indah yang digunakan untuk menambahkan kesan dan kemaknaan tertentu dengan cara membandingkan sesuatu perkara dengan perkara lain. Gaya bahasa perbandingan termasuklah metafora, personifikasi, simile, imejan, pleonasme atau tautologi, alegori, antitesis, depersonifikasi, perifrasis dan prolepsis. Namun begitu gaya bahasa perbandingan yang dikemukakan untuk dipelajari oleh murid-murid tingkatan satu hingga tingkatan lima seperti yang diketengahkan dalam HSP KBSM Bahasa Melayu sekolah menengah hanya lima jenis iaitu metafora, personifikasi, simile, imejan dan pleonasme atau tautologi. (Nik Hassan Basri, 2005: 49)

Berikut akan dijelaskan tentang sepuluh (10) jenis gaya bahasa perbandingan menurut

1.8.5.1 Metafora

Metafora ialah gabungan dua perkataan iaitu ‘meta’ yang bermaksud *memindahkan* dan ‘pherein’ bermakna *membawa*. Perkataan ‘metafora’ berasal daripada bahasa Yunani. Perkataan ini biasanya mengandungi satu kata konkrit dan satu kata abstrak, iaitu perbandingan tidak terus. Contohnya: sungai duka, rimba kegelapan, kamar sutera rohani. Gaya bahasa metafora ialah sejenis gaya bahasa perbandingan yang paling ringkas, padat, kemas dan teratur. Gaya bahasa ini tidak menggunakan kata seperti, umpama, laksana, bagai, bak, ibarat atau serupa. Jadi metafora ialah pemakaian kata-kata untuk menyatakan



erti yang berbeza-beza daripada yang sebenarnya, iaitu sebagai kiasan. Contohnya: Tulisannya *pedang tajam*, Ayam jantan itu *loceng pagi*, Rumahnya *gedung ilmu*. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa gaya bahasa metafora terdapat dua perkara. Pertama, *benda* iaitu sesuatu perkara atau idea yang berfungsi sebagai *subjek* dan kedua *pembandingan terhadap benda*, iaitu sesuatu perkara yang berfungsi sebagai *predikat*.

1.8.5.2 Personifikasi

Perkataan personifikasi berasal daripada bahasa Latin, iaitu ‘persona’ dan ‘fic’. Perkataan ‘persona’ bermaksud orang atau pelaku atau aktor atau topeng yang dipakai dalam persembahan drama. Manakala ‘fic’ ialah perkataan yang bermaksud membuat. Itulah sebabnya perkataan ‘personifikasi’ dikaitkan dengan segala sifat yang dimiliki oleh manusia kepada segala macam benda yang tidak bernyawa. Personifikasi ialah sejenis gaya bahasa perbandingan, iaitu penginsanan atau pemberian ciri-ciri peribadi orang atau sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, binatang, tumbuh-tumbuhan, keadaan, peristiwa, barang yang tidak bernyawa atau idea yang abstrak. Contohnya: kereta *meraung* di jalan raya, matahari *membakar* wajahnya, cinta itu *buta*, masa *meninggalkan* kita.





1.8.5.3 Simile

Simile sama maksud dengan perumpamaan. Perkataan simile berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud '*seperti*'. Simile ialah perbandingan terus, iaitu membandingkan dua hal yang pada hakikatnya berlainan tetapi dengan sengaja kita menganggapnya sama. Perumpamaan ini secara jelas mengungkapkan sesuatu perbandingan atau persamaan dengan menggunakan kata *seperti*, *laksana*, *bagai*, *umpama*, *bak*, *sebagai*, *serupa*, *ibarat*, *macam* dan sebagainya. Tujuannya adalah untuk membandingkan sesuatu. Contohnya: *seperti* katak di bawah tempurung, *laksana* bulan dipagar bintang, *bagai* sirih pulang ke gagang, *kurus macam* lidi, *ibarat* mengejar bayangan, *serupa* perahu tiada berawak dan sebagainya.



1.8.5.4 Imejan

Imejan ialah pemakaian kata atau beberapa kata yang menghasilkan kesan melalui penggunaan pancaindera seperti melalui pendengaran, penglihatan atau perasaan. Imejan boleh juga bermaksud cerminan atau gambaran tentang sesuatu yang dapat dikesan melalui pancaindera atau puisi yang memiliki banyak perkataan yang membayangkan objek atau perlakuan yang membentuk lambang, simbol atau kod untuk menjelaskan sikap dan perasaan penyair seperti bahang, kepahitan, kesejukan dan penderitaan dalam puisinya. Contohnya dalam sajak di bawah:





Dengan sebilah gunting
Sebuah *cermin sompek*
Sebuah *sisir rongak*
Dan *bangku kaki tiga*
Ia ukir nafkah keluarganya.

1.8.5.5 Pleonasme Atau Tautologi

Pleonasme atau nama lainnya tautologi ialah penggunaan kata yang berlebih-lebihan dan tidak perlu dalam ayat. Kata-kata yang berlebih-lebihan itu sekiranya digugurkan dan dibuang daripada struktur ayat tidak menjejaskan makna ayat. Contohnya: Dia menangkap budak itu *dengan tangannya sendiri*, aku menendang bola itu *dengan kaki*, mentari terbit *pagi*, dan sebagainya.



1.8.5.6 Alegori

Alegori, iaitu cerita sama ada dalam bentuk prosa atau puisi yang mengandungi sifat-sifat moral atau spiritual manusia yang dikisahkan melalui lambang-lambang atau metafora yang diperluas dan berkesinambungan dengan tempat atau wadah atau gagasan yang diperlambang. Contohnya cerita fabel dan parabel: cerita sang kancil dengan buaya, cerita arnab dengan kura-kura.



1.8.5.7 Antitesis

Antitesis ialah penggunaan kata atau ungkapan untuk menghasilkan kesan perbandingan antara dua antonim. Contohnya: (a) Mereka *bergembira* seolaholah meraikan *kegagalanmu*. (b) *Lelaki perempuan, tua muda, kaya miskin* semuanya hadir memeriahkan pesta keramaian tersebut.

1.8.5.8 Depersonifikasi

Depersonifikasi ialah gaya bahasa perbandingan yang memberi sifat-sifat benda, binatang, tumbuh-tumbuhan, keadaan, peristiwa, barang yang tidak bernyawa atau idea yang abstrak kepada orang atau manusia. Gaya bahasa ini berlawanan dengan gaya bahasa personifikasi kerana gaya bahasa personifikasi memberi ciri-ciri peribadi orang atau sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, binatang, tumbuh-tumbuhan, keadaan, peristiwa, barang yang tidak bernyawa atau idea yang abstrak. Contohnya: Matanya memancar sinar dan harapan, Jika engkau *menjadi bunga*, aku *menjadi kumbangnya*, Elok rupa parasmu *menyerupai seindah bulan purnama*.

1.8.5.9 Perifrasis

Periphrasis ialah penggunaan beberapa kata dalam ayat yang dianggap berlebih-lebihan tetapi boleh digantikan dengan satu kata sahaja. Contohnya:

- i. Dia *tidak sedarkan diri dan terlantar di hospital*. (sakit)
- ii. Ayahnya telah *tidur dengan tenang dan beristirehat dengan damai untuk selamanya*. (= mati atau meninggal dunia)

1.8.5.10 Prolepsis



Prolepsis atau antisipasi ialah kata atau beberapa kata yang digunakan terlebih dahulu sebelum terjadinya peristiwa yang sebenar. Contohnya:

- i. Mereka kelihatan *susah hati, bersedih dan berdukacita*, jaguh mereka yang akan bertarung dalam pertandingan seni silat jatuh akan pasti kalah kepada lawannya.
- ii. Rakyat Malaysia melahirkan perasaan *suka hati, gembira, girang dan besar hati*, mulai bulan hadapan kerajaan akan menghapuskan cukai GST.

Dalam konteks kajian ini, gaya bahasa adalah gaya bahasa khusus yang digunakan dalam *Leka Main*: Puisi Rakyat orang Iban khasnya dalam *Pantun* Iban. Gaya bahasa perbandingan atau gaya bahasa kiasan akan menjadi fokus utama kajian ini, iaitu gaya bahasa metafora, personifikasi, simile, imejan, pleonasme atau tautologi, alegori, antitesis, depersonifikasi, periphrasis dan prolepsis.

1.8.5 Penutup

Pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran harus dikuasai oleh guru-guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Penguasaan pengetahuan pedagogi ini sangat penting kepada guru-guru Bahasa Iban supaya mereka dapat menyampaikan isi pelajaran dan seterusnya mencapai objektif pelajaran yang telah ditetapkan dengan berkesan. Keberkesanan pengajaran guru dalam subjek Bahasa Iban akan menarik minat dan mungkin boleh mempengaruhi bilangan murid yang akan mengambil subjek ini pada masa akan datang. Justeru, pemilihan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dengan kombinasi berpusatkan murid, guru dan bahan pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer secara tidak langsung akan mengaitkan pengetahuan, konsep, pengalaman baru dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran yang lebih bermakna. Perkara ini akan membantu pencapaian aspirasi murid seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.